

Jawab **semua** soalan.
Masa 1 jam 15 Minit

Bahagian A
[20 markah]

- 1 Wahyu menurut bahasa ialah
- A Sifat Allah s.w.t.
 - B Naluri semulajadi.
 - C Nasihat dan bimbingan Allah.
 - D Perbuatan dan pengakuan Allah s.w.t.
- 2 Hadis adalah sesuatu yang disandarkan kepada
- A Perkataan dan perbuatan Rasulullah s.a.w.
 - B Perkataan dan pengakuan Rasulullah s.a.w.
 - C Pengakuan dan perbuatan Rasulullah s.a.w.
 - D Perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasulullah.
- 3 Manakah bentuk muamalah yang dibenarkan oleh Islam?.
- A Berjudi
 - B Monopoli.
 - C Pelaburan.
 - D Manipulasi.
- 4 Berikut merupakan kelebihan bekerja sendiri **kecuali**
- A Tidak terikat dengan waktu dan tempat.
 - B Bebas membuat keputusan sendiri.
 - C Mendapat kepuasan hasil kerja.
 - D Pendapatan tetap.
- 5 Manakah antara berikut padanan yang salah ?.

I	Zabur	Nabi Isa a.s
II	Injil	Nabi Nuh a.s
III	Taurat	Nabi Musa a.s
IV	al-quran	Nabi Muhammad s.a.w

- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 6 Pernyataan di bawah menerangkan tentang memelihara agama, **kecuali**
- A Mengambil tindakan yang tegas terhadap penyeleweng agama.
 - B Mempertahankan dan mengembangkan agama Islam.
 - C Mengasahi semua orang yang beragama.
 - D Menjaga kesucian akidah Islam.

- 7 _____ ialah seorang ketua negara Islam yang dilantik oleh Majlis Syura.
- A Khilafah
 - B Khalifah
 - C Khilafiah
 - D Kufah
- 8 Maksud perundangan Islam ialah
- A Peraturan untuk membanteras jenayah.
 - B Hukum yang ditetapkan oleh Allah kepada manusia.
 - C Peraturan untuk membentuk keperibadian manusia.
 - D Undang-undang untuk kehidupan manusia di dunia dan akhirat.
- 9 Manakah antara berikut bukan tanggungjawab rakyat kepada pemerintah dan negara.
- A Bekerjasama membanteras kemungkaran.
 - B Menuntut ilmu fardu ain dan fardu kifayah.
 - C Melaksanakan undang-undang jenayah.
 - D Menasihati pemimpin.
- 10 Berserah kepada Allah setelah berikhtiar ialah
- A Istiqamah.
 - C Tawakkal.
 - B Ijmak.
 - D Qias.
- 11 Dua solat fardhu yang dihimpunkan dan dilakukan dalam satu waktu seperti solat Zohor dan Asar dilakukan pada waktu Zohor atau Asar.
- Pernyataan di atas merujuk kepada
- A Solat Istikharah
 - B Solat Qasar
 - C Solat Jamak
 - D Solat Dhuha
- 12 Konsep tawakkal dalam Islam adalah
- A Berserah kepada takdir semata-mata
 - B Berserah diri kepada Allah semata-mata.
 - C Berserah diri kepada Allah setelah berusaha.
 - D Berusaha semata-mata tanpa mengharapkan bantuan dari Allah.
- 13 Berikut adalah pengaruh daripada budaya asing **kecuali**
- A Sambutan Tahun Baru Masihi.
 - B Sambutan Maulidur Rasul.
 - C Sambutan Hari April Fool.
 - D Sambutan Hari Kekasih.

- 14 Keburukan hidup tanpa pekerjaan terhadap individu adalah
- A Menimbulkan gejala melepak di kalangan remaja.
 - B Hidup dalam kesempitan.
 - C Timbul masalah jenayah dalam masyarakat.
 - D Ekonomi negara merosot.
- 15
- | |
|--|
| X |
| Kepercayaan dan ajaran yang dihasilkan melalui cita-cita, pengalaman, pemikiran dan penghayatan pengasasnya tanpa bimbingan wahyu. |
- X merujuk kepada agama
- A Samawi
 - B Nasrani
 - C Budaya
 - D Langit
- 16 Berikut adalah faedah mengamalkan perundangan Islam kepada individu.
- I Melahirkan insan yang bertanggungjawab dan bertaqwa.
 - II Menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
 - III Melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera.
 - IV Dikasihi dan diberkati Allah.
- A I, II dan III.
 - B II, III dan IV.
 - C I, III dan IV.
 - D I, II dan IV.
- 17 Prinsip kehakiman dalam Islam ialah :
- I Amar makruf dan nahi munkar.
 - II Menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman.
 - III Berpandukan al-Quran, al-Sunnah, al-Ijmak dan al-Qias.
 - IV Hakim yang dilantik mestilah lelaki yang beriman dan adil.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 18 Yang manakah **bukan** punca berlakunya masalah perpecahan umat.
- A Taraf pendidikan yang rendah.
 - B Leka dengan urusan kehidupan.
 - C Leka dengan kemewahan hidup.
 - D Hapusnya perasaan kasih sayang.

19 Pilih pernyataan yang TIDAK BENAR tentang Rasulullah s.a.w.

- I Sentiasa berakhlak mahmudah.
- II Memiliki empat sifat wajib dan satu sifat harus.
- III Dilahirkan pada 12 Rabiul Akhir Tahun Gajah.
- IV Beribukan Siti Khadijah dan berdatukkan Abdul Mutalib.

- A I, dan II
- B III dan IV
- C II dan III
- D I, dan IV

20 Harta yang dicari dikira sebagai ibadat apabila

- I Mencarinya ketika lapang.
- II Daripada sumber yang halal.
- III Ibadat fardu tidak ditinggalkan.
- IV Memanfaatkan alam untuk kepentingan diri.

- A I dan II.
- B II dan III.
- C III dan IV.
- D I dan IV.

Bahagian B

[20 markah]

Berikut ialah sumber penyelesaian masalah menurut Islam.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Tuliskan sumber yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

21 Sumber rujukan ketiga jika sesuatu hukum tidak dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Hadis.

	1
--	---

22 Menjelaskan segala isi kandungan al-Quran.

	1
--	---

23 Menghubungkan hukum yang tidak ada kepada hukum yang ada.

	1
--	---

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- 24 Salah satu prinsip negara Islam ialah _____ iaitu berasaskan kebebasan yang tidak terkeluar daripada batas-batas yang ditentukan oleh Allah Allah s.w.t.
- 25 Hukum murtad disyariatkan untuk memelihara _____ .
- 26 Golongan yang layak mengeluarkan ijtihad digelar _____ .
- 27 Menceritakan amalan baiknya kepada orang lain untuk mendapatkan sanjungan ialah _____ .

Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan (✗) pada pernyataan yang SALAH.

- 28 Timbangan segala amalan manusia dipanggil Mizan.

- 29 Kecemerlangan pendidikan bermaksud cemerlang dalam semua peperiksaan sahaja.

- 30 Kelebihan Islam tidak sekadar berkaitan dengan aspek-aspek material tetapi juga spiritual.

- 31 Merujuk kepada orang yang berilmu adalah salah satu cara penyelesaian masalah secara Islam.

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Ijmak
---	-------

Y	Ijtihad
---	---------

1

32 Menggalakkan umat Islam berfikir untuk menyelesaikan masalah.

--

1

33 Dilakukan oleh para mujtahid.

--

1

34 Diputuskan berdasarkan bukti dan hujah yang nyata.

--

1


35 Memastikan hukum Islam sentiasa berkembang.

--

1

36 Disepakati oleh para ulama.

--



Nyatakan sumber perundangan Islam bagi X dan Y.

37 X : _____

1

38 Y : _____

1

Berikan nama lain bagi X.

39 : _____

1

40 : _____

1

**KERTAS JAWAPAN
KERTAS 1**

Bahagian A

- | | | | | | | | | | |
|-----------|----------|----------|----------|----------|-----------|----------|----------|----------|----------|
| 1 | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2 | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3 | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4 | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5 | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6 | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7 | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8 | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9 | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

BAHAGIAN A

KERTAS 2
MASA : 2 JAM 30 MINIT

[100 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- 1 (a) (i) Terangkan dua sebab wahyu diturunkan secara beransur-ansur. [4 markah]
(ii) Terangkan tiga peranan akal dalam meningkatkan keimanan dan mengagungkan kebesaran Allah s.w.t. [6 markah]
- (b) (i) Alam ciptaan Allah terbahagi kepada alam ghaib dan alam musyahadah . Berikan pengertian alam ghaib [2 markah]
(ii) Nyatakan **dua** ciri alam ghaib. [4 markah]
- (c) (i) Terangkan dua kesan buruk ajaran sesat kepada individu dan masyarakat. [4 markah]
- 2 (a) (i) Nyatakan pengertian alamiyyah [2 markah]
(ii) Nyatakan **tiga** prinsip alamiyyah dalam Islam. [6 markah]
- (b) (i) Terangkan maksud murunah berserta dengan contoh. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** perkaitan antara thabat dengan murunah. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** ciri waqiiyyah dalam sistem perundangan islam. [4 markah]
- 3 (a) (i) Konsep ibadah dalam Islam amat luas merangkumi semua aspek kehidupan. Nyatakan pengertian ibadah [2 markah]
(ii) Terangkan **tiga** syarat sesuatu pekerjaan dianggap sebagai ibadat. [6 markah]
- (b) (i) Jelaskan ciri-ciri khalifah Islam. [4 markah]
(ii) Terangkan implikasi jika rakyat mengabaikan tanggungjawab kepada negara. [4 markah]
- (c) Sistem kehakiman Islam bertujuan mewujudkan masyarakat yang aman dan harmoni .
Nyatakan **dua** prinsip kehakiman Islam. [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan pengertian pekerjaan dalam Islam. [2 markah]
(ii) Nyatakan **tiga** kebaikan bekerja. [6 markah]
- (b) Allah menguji keluarga yang memiliki harta dengan pelbagai dugaan dan ujian.
(i) Nyatakan **dua** bentuk ujian tersebut. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** sebab mengapa Allah menguji manusia dengan harta. [4 markah]
- (c) Terangkan cara pengurusan harta golongan yang tidak berkemampuan bagi pemegang amanah sahaja. [4 markah]

- 5 (a) (i) Apakah maksud fikah. [2 markah]
 (ii) Nyatakan **dua** matlamat fikah. [4 markah]
 (iii) Jelaskan **dua** kebaikan fikah terhadap umat islam. [4 markah]
- (b) (i) Perundangan Islam meninggalkan kesan yang positif dalam diri individu, masyarakat dan negara. Terang **dua** faedah mengamalkan perundangan Islam kepada masyarakat. [6 markah]
 (ii) Terangkan **dua** cara menghayati perundangan Islam. [4 markah]
- 6 (a) (i) Doa merupakan satu amalan dalam penyelesaian masalah Nyatakan maksud doa. [2 markah]
 (ii) Nyatakan adab-adab ketika berdoa. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan ciri-ciri penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]
 (ii) Jelaskan kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam. [6 markah]
- (c) Jelaskan kesan yang berlaku ke atas bangsa yang lemah dalam pendidikan. [4 markah]
- 7 (a) (i) Al-Quran, al-Hadis, al-Ijmak dan al-Qias adalah sumber utama sistem perundangan Islam . Berikan **dua** contoh lain sumber perundangan Islam [2 markah]
 (ii) Sesuatu kes boleh dibuktikan melalui pengakuan tertuduh . Terangkan **dua** syarat pengakuan yang boleh diterima. [4 markah]
- (b) (i) Perlembagaan Madinah mengandungi 47 perkara yang menyentuh pelbagai aspek. Nyatakan **dua** daripadanya. [4 markah]
 (ii) Nyatakan ciri-ciri pentadbir yang bertakwa. [4 markah]
- (c) Terangkan syura menurut Islam. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA KERTAS 1
BAHAGIAN A

1.	A	2.	D	3.	C	4.	D	5.	A
6.	C	7.	B	8.	B	9.	C	10.	C
11.	C	12.	C	13.	B	14.	B	15.	C
16.	D	17.	A	18.	A	19.	B	20.	B

BAHAGIAN B

21. Al-Ijmak.
22. Al-Hadis.
23. Al-Qias.
24. Al-Hurriyyah.
25. Agama.
26. Mujtahid.
27. Sum'ah.
28. ✓ (Betul)
29. × (Salah)
30. ✓ (Betul)
31. ✓ (Betul)
32. Y
33. Y
34. X
35. Y
36. X
37. al-Quran
38. al-Hadis / al-Sunnah
39. Al-Furqan, Al-Zikr, Al-Kitab, Al-Fasl, Al-Tibyan
40. Al-Furqan, Al-Zikr, Al-Kitab, Al-Fasl, Al-Tibyan

SKEMA KERTAS 2

Nombor Soalan	Skema Jawapan	Markah
1 (a) (i)	Sebab wahyu diturunkan secara beransur-ansur <ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan para sahabat menghafaz ayat al-Quran. • Memberi ketenteraman dan keteguhan jiwa. • Untuk menjawab pertanyaan umat Islam. 	2 isi X 2 m = 4 markah
1 (a) (ii)	Peranan akal dalam meningkatkan keimanan dan mengagungkan kebesaran Allah s.w.t. <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal dan meyakini kewujudan Allah s.w.t. • Membezakan perkara yang baik dan buruk. • Memakmurkan alam. • Menilai keindahan ciptaan Allah s.w.t. 	3 isi X 2 m = 6 markah
1 (b) (i)	Alam ghaib ialah alam yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia .	1 isi X 2 m = 2markah
1 (b) (ii)	Ciri alam ghaib <ul style="list-style-type: none"> • Tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia • Alam yang di ketahui melalui al-Quran dan al-Hadis • Kenikmatan yang diperolehi di dalamnya kekal 	2 isi X 2 m = 4 markah
1 (c)	Kesan buruk ajaran sesat kepada individu dan masyarakat <ul style="list-style-type: none"> • Tergelincir akidah • Batal syahadah • Menimbulkan ketegangan dalam masyarakat 	2 isi X 2 m = 4 markah
2 (a) (i)	Pengertian 'alamiyyah ialah sarwajagat yakni agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa , tempat dan zaman.	1 isi X 2 m = 2markah
2 (a) (ii)	Prinsip Alamiyyah <ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan manusia sebaik-baik kejadian • Nilai-nilai keadilan Islam bersifat sejagat • Menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran • Menjamin hak asasi manusia 	3 isi X 2 m = 6 markah
2 (b) (i)	Murunah bermaksud luwes atau anjal , boleh berubah mengikut kesesuaian , namun masih tetap pada prinsip asalnya . Contohnya : Solat Jamak / solat dalam keadaan duduk / baring	2 isi X 2 m = 4 markah
2 (b) (ii)	Perkaitan antara thabat dengan murunah <ul style="list-style-type: none"> • Hukum puasa adalah wajib (thabat) tetapi boleh berbuka jika sakit (murunah) dan qada apabila telah sembuh. • Hukum zakat harta adalah wajib (thabat) tetapi hanya untuk orang yang cukup syarat sahaja (murunah) 	2 isi X 2 m = 4 markah
2 (c)	Ciri waqi'iyah dalam sistem perundangan Islam <ul style="list-style-type: none"> • Menjamin keamanan dan keharmonian masyarakat • Menegakkan keadilan • Menegakkan yang hak dan menghapuskan kebatilan • Hukuman yang setimpal dengan kesalahan 	2 isi X 2 m = 4 markah

Nombor Soalan	Skema Jawapan	Markah
3 (a) (i)	Erti Ibadah ialah pengabdian dan kepatuhan kepada Allah s.w.t.	1 isi X 2 m = 2markah
3 (a) (ii)	Syarat sesuatu pekerjaan dianggap sebagai ibadah. <ul style="list-style-type: none"> • Pekerjaan yang harus dan halal. • Tidak menghalang daripada menunaikan amalan wajib. • Dilakukan kerana Allah s.w.t / untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t. • Pelaksanaannya mengikut syariat / adil dan bertanggungjawab. • Dilakukan dengan tekun dan bersungguh-sungguh. 	3 isi X 2 m = 6 markah
3 (b) (i)	Ciri Khalifah Islam <ul style="list-style-type: none"> • Berilmu / pengetahuan yang luas. • Berakhlak mulia / dapat mengawal emosi dan rasional / adil dalam pentadbiran. • Bertakwa kepada Allah • Bijak membuat keputusan / cekap. • Mempunyai keyakinan diri. • Memiliki keadaan fizikal yang sihat dan sempurna. 	3 isi X 2 m = 6 markah
3 (b) (ii)	Implikasi mengabaikan tanggungjawab kepada rakyat <ul style="list-style-type: none"> • Kemunduran negara dalam pelbagai aspek. • Peningkatan gejala sosial dalam masyarakat. • Mengabaikan tugas amar makruf dan nahi mungkar. • Keruntuhan akhlak dan jati diri individu. • Pertahanan negara lemah. 	2 isi X 2 m = 4 markah
3 (c)	Prinsip kehakiman Islam <ul style="list-style-type: none"> • Bersifat rabbani • Menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman • Amar makruf dan nahi mungkar • Mengamalkan akhlak mulia 	2 isi X 2 m = 4 markah
4 (a) (i)	Pengertian pekerjaan dalam Islam ialah kegiatan yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pendapatan berbentuk wang atau harta yang halal	1 isi X 2 m = 2markah
4 (a) (ii)	Kebaikan bekerja dalam Islam adalah: <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan taraf hidup • Membolehkan seseorang berdikari • Mengurangkan pengangguran 	3 isi X 2 m = 6 markah
4 (b) (i)	Bentuk ujian yang Allah timpakan terhadap mereka: <ul style="list-style-type: none"> • Harta musnah dalam kebakaran • Hidup diselubungi keresahan dan kebimbangan • Lalai dan leka untuk menunaikan ibadah • Timbul perasaan cintakan harta dan enggan menderma 	2 isi X 2 m = 4 markah

Nombor Soalan	Skema Jawapan	Markah
4 (b) (ii)	Sebab Allah menguji manusia dengan harta: <ul style="list-style-type: none"> • Supaya manusia bersyukur dan tidak sombong dengan hartanya • Agar harta itu diuruskan dengan sebaik-baiknya • Supaya yang ada tidak dibazirkan • Agar manusia sedar bahawa harta adalah amanah Allah 	2 isi X 2 m = 4 markah
4 (c)	Cara pengurusan harta golongan yang tidak berkemampuan: <ul style="list-style-type: none"> • Boleh membelanjakan untuk keperluan asas. • Tidak membazir. • Menyerahkan pewarisan apabila mampu. • Melaburkan harta tersebut untuk mendapat keuntungan 	
5 (a) (i)	Fikah ialah kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid yang diambil daripada dalil-dalil syarak.	1 isi X 2 m = 2markah
5 (a) (ii)	Matlamat fikah <ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan kefahaman individu terhadap suruhan dan larangan Allah. • Mewujudkan masyarakat yang aman dan damai. • Menentukan perintah Allah sesuai pada sepanjang masa. 	2 isi X 2 m = 4 markah
5 (a) (iii)	Kebaikan fikah terhadap umat Islam <ul style="list-style-type: none"> • Membolehkan umat Islam melaksanakan ibadah tanpa keraguan • Menjadikan hukum Islam berkembang serta bersesuaian dengan masa , tempat dan keadaan . • Menentukan hukum Islam sesuai diamalkan dalam kehidupan manusia . 	2 isi X 2 m = 4 markah
5 (b) (ii)	Faedah mengamalkan perundangan Islam kepada masyarakat adalah: <ul style="list-style-type: none"> • Mengelakkan perpecahan dan pergaduhan • Mengukuhkan hubungan silaturrahim antara masyarakat tanpa diskriminasi • Melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera. 	3 isi X 2 m = 6 markah
5 (b) (iii)	Cara menghayati perundangan Islam ; <ul style="list-style-type: none"> • Berpegang teguh dengan perundangan dan peraturan Allah • Mengamalkan Islam dalam kehidupan • Bertindak mengikut ajaran Islam • Melaksanakan perundangan Islam • Mencintai kesejahteraan hidup dunia dan akhirat 	2 isi X 2 m = 4 markah
6 (a) (i)	Doa ialah memohon kebaikan atau menolak sesuatu keburukan kepada Allahs.w.t.	1 isi X 2 m = 2markah

Nombor Soalan	Skema Jawapan	Markah
6 (a) (ii)	Adab-adab ketika berdoa <ul style="list-style-type: none"> • Dengan ikhlas. • Dalam keadaan suci. • Khusyuk dan tenang. • Berdoa dengan sepenuh hati. • Memulakan dengan memuji Allah. • Mengadap kiblat. 	2 isi X 2 m = 4 markah
6 (b) (i)	Ciri-ciri penyelesaian masalah. <ul style="list-style-type: none"> • Penyelesaian dilakukan secara menyeluruh dan bersepadu. • Menepati kehendak syarak. • Dilakukan secara bersungguh-sungguh. • Merujuk kepada orang yang berilmu. 	2 isi X 2 m = 4 markah
6 (b) (ii)	Kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam. <ul style="list-style-type: none"> • Meneguhkan keimanan dan ketakwaan. • Memperkukuh keperibadian muslim. • Mewujudkan perpaduan dan persaudaraan ummah. • Mewujudkan semangat juang dan bermotivasi. 	3 isi X 2 m = 6 markah
6 (c)	Kesan ke atas bangsa yang lemah dalam pendidikan adalah : <ul style="list-style-type: none"> • Ketinggalan dalam semua bidang kehidupan • Mudah dijajah oleh bangsa lain • Dipandang hina oleh bangsa lain 	2 isi X 2 m = 4 markah
7 (a) (i)	Contoh lain sumber perundangan Islam. <ul style="list-style-type: none"> • Al-Ijtihad • Al-Masalih Mursalah • Al-Uruf • Al-Istihsan 	1 isi X 2 m = 2markah
7 (a) (ii)	Syarat pengakuan yang diterima <ul style="list-style-type: none"> • Pengakuan dibuat secara bebas tanpa paksaan • Pengakuan dibuat dalam keadaan waras • Pengakuan dibuat oleh orang yang mencapai umur yang ditetapkan oleh mahkamah 	2 isi X 2 m = 4 markah
7 (b) (i)	Aspek Perlembagaan Madinah <ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan negara. • Pengiktirafan identiti kaum. • Kebebasan mengamalkan ajaran agama. • Penguatkuasaan undang-undang. • Perpaduan. • Keselamatan. • Jaminan sosial. • Jaminan hak asasi setiap kaum dan puak. • Mengukuhkan hubungan luar. 	3 isi X 2 m = 6 markah

Nombor Soalan	Skema Jawapan	Markah
7 (b) (ii)	Ciri pentadbir yang bertakwa. <ul style="list-style-type: none"> • Mengutamakan Allah dalam setiap urusan. • Berpegang teguh dengan ajaran Islam. • Bersifat mahmudah / berakhlak mulia / bertoleransi. • Bertanggungjawab terhadap kebajikan rakyat. • Meninggalkan kepentingan diri. • Berlaku adil / tidak menindas / menzalimi rakyat. 	3 isi X 2 m = 6 markah
7 (c)	Syura menurut Islam: <ul style="list-style-type: none"> • Berpandukan al-Quran dan Sunnah • Berasaskan sistem Rabbani • Bersifat ideal dan syumul • Mendapat sokongan majoriti • Dianggotai oleh ulama yang pakar dalam pelbagai bidang. 	2 isi X 2 m = 4 markah

SKEMA TAMAT